

Penyiasatan Kesalahan Pelanggaran Fatwa dalam Media Sosial: Implikasi Terhadap Penguatkuasaan dan Masyarakat di Malaysia

Investigation Fatwa Violations on Social Media: Implications for Enforcement and Society in Malaysia

MOHAMAD AZHAN YAHYA*, MOHD KAMEL MAT SALLEH, SUHAIZAD SAIFUDDIN,
ADIBAH BAHORI & AZIZAH MAT RASHID

Received: 14-03-2025/Accepted: 4-06-2026

ABSTRAK

Kesalahan pelanggaran fatwa dalam talian semakin berleluasa, menyebabkan penyebaran ajaran dan fahaman yang bertentangan dengan prinsip Islam. Walaupun fatwa yang diwartakan mempunyai implikasi perundangan, cabaran utama dalam penguatkuasaan ialah proses penyiasatan dan pembuktian yang tidak mencukupi. Pihak penguatkuasa agama menghadapi kesukaran dalam mengumpul bukti yang sah dan boleh diterima di mahkamah, terutama apabila kesalahan berlaku di media sosial. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis permasalahan dalam proses penyiasatan kesalahan pelanggaran fatwa di media sosial serta impaknya terhadap penguatkuasaan dan masyarakat. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menganalisis sumber sekunder seperti buku, artikel, akta, dan enakmen berkaitan perundangan jenayah Syariah. Selain itu, temu bual dengan pengamal undang-undang Syariah dijalankan bagi memperoleh perspektif praktikal mengenai cabaran penguatkuasaan. Hasil kajian menunjukkan terdapat kekangan dalam pendakwaan kes jenayah Syariah dalam talian disebabkan kelemahan dalam penyiasatan, kesahihan bukti elektronik, serta batasan bidang kuasa. Tambahan pula, wujud kekeliruan dalam pengesahan status fatwa yang digazetkan dan lafaz sighah fatwa yang kurang jelas untuk dikuatkuasakan. Bagi menangani isu ini, kajian mencadangkan supaya bidang kuasa dan prosedur penyiasatan dalam Enakmen Tatacara Jenayah Syariah diperincikan dengan mengambil kira elemen jenayah siber. Selain itu, lafaz sighah fatwa perlu dipinda agar lebih jelas dan mengikat secara perundangan. Penemuan ini diharapkan dapat membantu memperkukuh sistem penguatkuasaan, meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepatuhan fatwa, dan mengurangkan kesalahan pelanggaran fatwa di media sosial.

Kata kunci: Pelanggaran fatwa; media sosial; penyiasatan; penguatkuasaan; sighah fatwa

ABSTRACT

The violation of fatwas online is becoming increasingly widespread, leading to the dissemination of teachings and beliefs that contradict Islamic principles. Although gazetted fatwas carry legal implications, the main challenge in enforcement lies in inadequate investigation and evidentiary procedures. Religious enforcement authorities face difficulties in gathering valid and admissible evidence in court, especially when offenses occur on social media. Therefore, this study aims to analyze the challenges in investigating online fatwa violations and their impact on enforcement and society. This study adopts a qualitative approach by analyzing secondary sources such as books, articles, statutes, and enactments related to Syariah criminal law. Additionally, interviews with Syariah law practitioners were conducted to gain practical insights into enforcement challenges. The findings reveal significant obstacles in prosecuting Syariah offenses committed online due to weaknesses in investigation, the validity of electronic evidence, and jurisdictional limitations. Furthermore, there is confusion regarding the legal status of gazetted fatwas and the lack of clarity in the sighah (legal wording) of fatwas, making enforcement difficult. To address this issue, the study recommends refining the jurisdiction and investigative procedures under the Syariah Criminal Procedure Enactment to incorporate elements of cybercrime. Additionally, the sighah of fatwas should be revised to ensure greater legal clarity and binding authority. These findings are expected to strengthen enforcement mechanisms, enhance public awareness of fatwa compliance, and reduce the occurrence of fatwa violations in the digital sphere.

Keywords: Fatwa violations; social media; investigation; enforcement; sighah fatwa

PENGENALAN

Di Malaysia, fatwa merujuk kepada keputusan yang dikeluarkan oleh majlis fatwa negeri bagi menjelaskan sesuatu isu atau permasalahan hukum (Kamel, Adibah & Azhan, 2021). Fatwa berperanan sebagai panduan dalam kehidupan umat Islam, terutama dalam menangani permasalahan semasa yang timbul akibat perkembangan teknologi dan perubahan sosial. Antara fatwa terkini di Wilayah Persekutuan yang dikeluarkan pada tahun 2022 termasuk fatwa berkenaan ajaran ilmu makrifat Mohd Yusof Cik Wook, hukum berdoa bersama bukan Islam, dan hukum menjual lebihan kulit serta tulang haiwan untuk kepentingan umum. Walau bagaimanapun, sesuatu fatwa hanya mempunyai implikasi perundangan jika ia diwartakan. Fatwa yang tidak diwartakan hanya dianggap sebagai pandangan hukum tanpa kuasa mengikat.

Institusi fatwa di Malaysia terletak di bawah bidang kuasa negeri. Maka setiap muslim adalah terikat untuk mematuhi fatwa yang diwartakan di negeri masing-masing. Menurut Seksyen 34(3) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993, fatwa yang diwartakan menjadi kewajipan bagi umat Islam untuk dipatuhi. Sebaliknya, fatwa yang tidak diwartakan tidak boleh dikuatkuasakan, dan pihak berkuasa tidak boleh mengambil tindakan terhadap mereka yang mengingkarinya (Zanariah, 2020).

Untuk memastikan fatwa dapat difahami dan dipatuhi, pelbagai kaedah digunakan bagi menyebarkan keputusan fatwa kepada masyarakat. Solahuddin et al. (2018) menyatakan bahawa penyebaran fatwa dilakukan melalui warta kerajaan, buku, risalah, laman web rasmi, media sosial, dan kursus kepada pegawai agama serta guru-guru. Nurunnajwa, Irwan dan Ridzwan (2015) pula mendapati bahawa media sosial merupakan medium penyebaran maklumat fatwa yang paling berkesan pada masa kini.

Isu ini menjadi lebih parah apabila ia juga membuka ruang kepada cabaran baharu dalam pematuhan dan penguatkuasaan fatwa. Penyebaran ajaran yang bercanggah dengan fatwa boleh berlaku secara meluas, malah fatwa yang telah diwartakan boleh dicabar atau dipertikaikan secara terbuka. Situasi ini bukan sahaja memberi kesan kepada pemahaman masyarakat, tetapi juga menyukarkan pihak penguatkuasa dalam menangani kesalahan pelanggaran fatwa di media sosial.

Hal ini berkait rapat dengan isu bidang kuasa dalam pelaksanaan undang-undang Syariah di Malaysia. Di Malaysia, undang-undang jenayah Syariah hanya dikuatkuasakan ke atas orang Islam, selaras dengan Seksyen 1, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Selangor) 1995 (Aisyah et.al, 2024). Walau bagaimanapun, dengan perkembangan teknologi, jenayah Syariah kini sering berlaku di media sosial, menjadikan bidang kuasa penguatkuasaan lebih rumit. Kesalahan dalam talian bersifat merentasi sempadan, menjadikannya sukar untuk dikawal melalui enakmen jenayah Syariah negeri yang berasaskan bidang kuasa wilayah.

Media sosial sering dieksploitasi bagi menyebarkan ajaran sesat dan mencabar fatwa yang telah digazetkan. Namun, penguatkuasaan menghadapi pelbagai cabaran, termasuk kesukaran menentukan bidang kuasa apabila kesalahan dilakukan dalam talian oleh individu di luar negeri. Selain itu, proses penyiasatan yang tidak sejajar dengan keperluan pembuktian elektronik menyebabkan kes-kes pelanggaran fatwa sukar dibawa ke mahkamah.

Tambahan pula, kelemahan dalam lafaz sighthat fatwa yang digazetkan menimbulkan kekeliruan dalam pematuhan masyarakat serta menyukarkan tindakan penguatkuasaan. Walaupun Seksyen 9 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 menetapkan hukuman terhadap pelanggaran fatwa, cabaran dalam mendapatkan bukti elektronik yang sah serta ketiadaan peruntukan khusus berkaitan jenayah siber menjejaskan keberkesanan pendakwaan.

Situasi ini menunjukkan wujudnya jurang dalam undang-undang dan prosedur penyiasatan bagi kesalahan pelanggaran fatwa di media sosial. Zuhdi, Dahlan dan Zaini (2020) menegaskan bahawa kejelasan undang-undang diperlukan bagi mengawal percanggahan terhadap fatwa dan memastikan pematuhan masyarakat. Oleh itu, kajian ini akan meneliti kelemahan dalam bidang kuasa, prosedur penyiasatan, serta cabaran pembuktian bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan jenayah syariah dalam konteks digital. Hasil kajian ini juga diharapkan dapat memberikan cadangan untuk memperkukuh perundangan sedia ada dengan mengambil kira elemen jenayah siber dan peruntukan bukti elektronik.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan doktrinal sebagai asas utama kerana ia sesuai dengan fokus kajian terhadap aspek perundangan dan pelaksanaan penguatkuasaan Syariah (Hutchinson, 2018). Pendekatan ini membolehkan analisis mendalam terhadap teks undang-undang, kes-kes berkaitan, dan prinsip perundangan yang digunakan dalam menangani pelanggaran fatwa di media sosial. Selain itu, kajian ini turut menggunakan kaedah kajian perpustakaan dan temu bual separa berstruktur sebagai pendekatan utama untuk mengumpul data lapangan dan menyokong analisis (Ain, Azam & Azhan, 2024). Kaedah ini juga selaras dengan cadangan Salter dan Mason (2007) yang menyarankan gabungan pendekatan untuk memahami isu undang-undang yang rumit dan melibatkan pelbagai aspek. Data utama kajian ini hanya melibatkan 3 negeri, iaitu Negeri Sembilan, Kedah dan Pulau Pinang, berdasarkan data sedia ada yang jelas dan boleh diakses, walaupun temubual melibatkan beberapa buah negeri, analisis kajian kes tertumpu kepada 3 buah negeri ini dan ia selaras dengan objektif kajian. Sungguhpun tidak mewakili keseluruhan negeri di Malaysia, kajian ini diharap dapat memberi gambaran awal tentang isu pelanggaran fatwa di media sosial. Kajian lanjutan di negeri-negeri lain wajar dilakukan pada masa akan datang untuk mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh.

Pertama, kajian perpustakaan dilakukan bagi menganalisis sumber primer dan sekunder seperti Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah, Akta Tatacara Jenayah Syariah, keputusan kes mahkamah, buku, artikel jurnal akademik, laman web rasmi institusi fatwa, serta sumber dalam talian berkaitan pelanggaran fatwa. Sumber syariah seperti al-Quran, hadis, dan karya ilmiah turut dirujuk untuk menilai prinsip penyiasatan dan pembuktian dalam jenayah Syariah.

Kedua, temu bual separa berstruktur dijalankan bagi mendapatkan perspektif pengamal undang-undang syariah dalam penyiasatan kes pelanggaran fatwa dalam talian. Temu bual ini melibatkan 10 informan yang terdiri daripada pegawai penguatkuasa agama negeri, pendakwa syarie, hakim syarie dan peguam syarie. Pemilihan responden dibuat berdasarkan pengalaman mereka dalam penyiasatan dan pendakwaan kes jenayah syariah. Walau bagaimanapun, kesemua informan adalah dari Negeri Sembilan, Perak, Johor, Melaka, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor sahaja, memandangkan negeri ini mempunyai pegawai yang terlibat secara langsung dengan kes-kes berkaitan serta mudah diakses oleh penyelidik. Data yang diperoleh daripada temu bual ini dianalisis secara tematik bagi mengenal pasti cabaran utama dalam penguatkuasaan.

JADUAL 1. Senarai Informan

Bil	Kod Informan	Jawatan
1	Informan 1	Pegawai Penguatkuasaan Syariah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Negeri Sembilan
2	Informan 2	Pegawai di Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Sembilan
3	Informan 3	Pegawai di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
4	Informan 4	Pegawai di Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Sembilan
5	Informan 5	Pegawai Syariah Negeri Perak
6	Informan 6	Pegawai di Jabatan Pendakwaan Syariah Pulau Pinang
7	Informan 7	Pegawai di Jabatan Penguatkuasaan Syariah Negeri Johor
8	Informan 8	Pegawai di Jabatan Penguatkuasaan Syariah Negeri Melaka
9	Informan 9	Pegawai di Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Perak
10	Informan 10	Hakim Mahkamah Syariah Selangor

Selain itu, kajian ini menggunakan kaedah analisis kritikal dalam menilai kecekapan peruntukan undang-undang dan cabaran yang dihadapi dalam penguatkuasaan. Perbandingan dilakukan antara perundangan jenayah syariah sedia ada dan prinsip syariah berkaitan penyiasatan dan pembuktian. Pendekatan ini membolehkan penilaian terhadap sejauh mana sistem sedia ada dapat menangani kesalahan dalam talian dan cadangan reformasi perundangan yang lebih berkesan.

Dengan menggabungkan pendekatan doktrinal, kajian perpustakaan, temu bual separa berstruktur, dan analisis kritikal, kajian ini dapat memberikan gambaran menyeluruh tentang cabaran penguatkuasaan dan cadangan penyelesaian bagi memperkukuh prosedur penyiasatan kesalahan pelanggaran fatwa di media sosial.

PERBINCANGAN DAN DAPATAN

Permasalahan utama yang dikenal pasti dalam kajian ini ialah kekaburan dalam bidang kuasa dan prosedur penyiasatan bagi kes pelanggaran fatwa di media sosial. Isu ini membawa kepada perbincangan dan dapatan kajian berikut:

PRINSIP KEADILAN DAN PEMBUKTIAN

Kajian ini mendapati bahawa kelemahan dalam pembuktian keterangan elektronik merupakan cabaran utama dalam pendakwaan kes pelanggaran fatwa di media sosial. Penguatkuasaan jenayah syariah perlu berlandaskan prinsip keadilan sebagaimana digariskan dalam al-Quran dan hadis. Islam menekankan kepentingan penyiasatan yang teliti bagi memastikan keadilan serta mengelakkan fitnah dan kezaliman (Azam & Mazupi, 2018). Oleh itu, penyiasatan kesalahan pelanggaran fatwa haruslah berasaskan bukti kukuh sebelum tindakan perundangan diambil, terutamanya dalam kes yang melibatkan media sosial. Oleh itu, penyiasatan kesalahan pelanggaran fatwa haruslah berasaskan bukti kukuh sebelum tindakan perundangan diambil, terutamanya dalam kes yang melibatkan media sosial.

Dalam sistem perundangan syariah di Malaysia, kesalahan berkaitan fatwa diperincikan dalam beberapa enakmen negeri, termasuk kesalahan menghina atau mengingkari mufti, mengeluarkan pendapat yang bertentangan dengan fatwa, dan mengeluarkan fatwa tanpa kuasa sah. Namun, mahkamah syariah berdepan cabaran dalam menerima bukti elektronik, khususnya dalam kes yang melibatkan media sosial. Mekanisme pembuktian yang tidak mematuhi prosedur yang ditetapkan boleh menyebabkan keterangan ditolak (Zulzaidi & Hidayat, 2022). Prinsip beban

bukti dalam syariah berasaskan kaedah al-bayyinah '*ala al-mudda'ie wal-yamin 'ala man ankara*, di mana pihak yang mendakwa bertanggungjawab membuktikan kesnya (Azam & Mazupi, 2018).

Di mahkamah syariah, dokumen elektronik digunakan dalam kes mal seperti perceraian dan nafkah serta dalam kes jenayah syariah bagi menyokong pertuduhan (Fattah et.al, 2021). Dokumen ini dikategorikan sebagai qarinah dan perlu disokong oleh keterangan pakar bagi memastikan kredibilitinya. Namun, dalam kes pelanggaran fatwa di media sosial, kesukaran mengumpul dan mengesahkan bukti elektronik menyukarkan pendakwaan. Tambahan pula, tiada garis panduan yang jelas mengenai bagaimana bukti digital boleh dikendalikan dalam perundangan syariah.

Realiti semasa menunjukkan bahawa pengumpulan dan pembuktian keterangan elektronik masih berdepan pelbagai cabaran. Ketidadaan prosedur yang seragam dalam menangani bukti digital serta kekangan teknikal dalam pengesahan keterangan menjadi antara punca utama kelemahan dalam pendakwaan kes sedemikian. Tambahan pula, sifat media sosial yang bersifat pantas dan sukar dikawal menyukarkan pihak berkuasa untuk mendapatkan bukti yang sah dan boleh diterima di mahkamah.

Selain itu, perkembangan teknologi yang pesat menuntut mekanisme penyiasatan dan pembuktian yang lebih sistematik dan selaras dengan keperluan semasa. Pendekatan yang lebih jelas dalam pengurusan keterangan elektronik perlu digariskan agar bukti yang dikemukakan dalam kes pelanggaran fatwa dapat diterima dan dipertimbangkan dengan adil di mahkamah syariah.

Oleh itu, kajian ini menekankan kepentingan memperkukuh proses penyiasatan dan pembuktian dalam menangani kes pelanggaran fatwa di media sosial. Usaha ke arah memperbaiki kaedah pengumpulan dan pengesahan keterangan elektronik perlu diberi perhatian bagi memastikan keberkesanan penguatkuasaan serta ketelusan dalam sistem perundangan syariah.

Selain cabaran dalam pembuktian keterangan elektronik, kajian ini juga mendapati bahawa lafaz sighth fatwa yang digazetkan sering menimbulkan kekeliruan dalam pematuhan dan penguatkuasaan. Perbincangan lebih lanjut mengenai isu sighth fatwa akan dibincangkan dalam bahagian berikut.

Berdasarkan dapatan ini, kajian ini mencadangkan supaya sistem pembuktian dalam mahkamah syariah diperluaskan untuk menerima lebih banyak bukti elektronik, dengan mempertimbangkan prinsip syariah serta pendekatan perundangan negara Islam lain. Selain itu, perlu ada penyeragaman dalam bidang kuasa dan prosedur penyiasatan bagi kes pelanggaran fatwa dalam talian, termasuk mekanisme pengumpulan dan pengesahan bukti digital. Dengan langkah ini, penguatkuasaan kesalahan berkaitan fatwa dalam talian dapat diperkukuhkan dan selaras dengan keperluan perundangan digital semasa.

PEWARTAAN FATWA

Fatwa yang diwartakan mempunyai kesan undang-undang kerana ia dikeluarkan selaras dengan prosedur yang ditetapkan, menjadikan institusi agama negeri bertanggungjawab dalam mendidik masyarakat dan memastikan kepatuhan kepada hukum Islam. (Zaini & Nur Hazirah, 2022). Pewartaan fatwa mempermudah proses penguatkuasaan dan pendakwaan bagi melindungi kesucian agama daripada sebarang penyelewengan (Muna Hamzan, 2021). Sebaliknya, fatwa yang tidak diwartakan tidak mengikat secara undang-undang dan sukar dikuatkuasakan, menyebabkan pelanggaran fatwa tidak boleh dikenakan tindakan perundangan (Zanariah Dimon, 2020).

Kerajaan negeri berkuasa merangka undang-undang jenayah Syariah dan memberi mandat kepada Majlis Agama Islam untuk melaksanakan fatwa serta bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia jika wujud unsur jenayah (Farahwahida Mohd Yusof, 2011). Walau bagaimanapun, data menunjukkan kes pelanggaran fatwa yang dibawa ke mahkamah amat sedikit, antaranya satu kes di Negeri Sembilan pada 2010 dan satu kes di Kedah berkaitan ajaran sesat (Alias Azhar & Mohd Shauki, 2018). Kes berkaitan akidah dan ajaran sesat sukar didakwa kerana memerlukan bukti kukuh (Norliah Sajuri, 2014). Oleh itu, jika fatwa diwartakan, tindakan penguatkuasaan boleh dilakukan melalui siasatan dan pendakwaan oleh Penguatkuasa Agama dan Pendakwa Syarie negeri (Zanariah Dimon, 2020). Pewartaan fatwa penting bagi memastikan ia mempunyai kuasa perundangan dan dapat dikuatkuasakan dengan lebih berkesan.

Sementara itu, fatwa yang tidak diwartakan cenderung untuk diabaikan dan tidak diikuti. Tambahan pula, fatwa yang tidak diwartakan tidak berperanan dalam menyokong usaha penguatkuasaan dan pendakwaan di mahkamah syariah bagi kes pelanggaran fatwa. Kerajaan negeri mempunyai kuasa untuk merangka undang-undang jenayah syariah dan memberi autoriti kepada Majlis Agama Islam bagi menguatkuasakan fatwa yang diwartakan, membolehkan tindakan diambil terhadap orang Islam yang melanggar undang-undang syarak sebagai pesalah jenayah (Zanariah Dimon 2020; Farahwahida, 2011). Sekiranya terdapat unsur jenayah atau kesalahan yang berkaitan dengan undang-undang semasa, kerjasama antara Majlis dan Polis Diraja Malaysia boleh dijalinan bagi melaksanakan penguatkuasaan undang-undang ini (Farahwahida, 2011).

Walaupun melibatkan kesalahan pelanggaran fatwa, fatwa yang tidak diwartakan tidak mempunyai sebarang kesan dari sudut perundangan. Ini termasuk fatwa yang diputuskan pengharamannya oleh institusi fatwa di Malaysia (Kamel, Adibah & Azhan, 2021). Dari sudut data dan statistik berkait dengan kes pelanggaran fatwa, hanya melibatkan satu kes di Negeri Sembilan pada tahun 2010 dan tiada kes dilaporkan pada tahun berikutnya. Manakala menurut Bahagian Penyelarasan Undang-Undang JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia), berdasarkan data yang diperolehi daripada Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri, pada tahun 2013 terdapat 47 kes bagi kesalahan pendapat yang bertentangan dengan fatwa, 2 kes pada 2014 dan tiada kes dilaporkan pada tahun 2015 (Kamel & Al-Adib, 2020).

Menurut Alias Azhar dan Mohd Shauki Muhammad Baderuddin (2018), sejak fatwa mengenai ajaran sesat diwartakan di negeri Kedah, hanya satu kes sahaja yang dibawa ke Mahkamah Syariah Negeri Kedah, iaitu melibatkan pembomohan Puan Radziah binti Ismail. Jumlah kes yang sangat sedikit ini berkait rapat dengan keperluan untuk menjalankan kajian mendalam serta mengemukakan bukti dan data yang kukuh sebelum pendakwaan berkaitan ajaran sesat dapat dibuat di mahkamah. Sebahagian besar kes yang melibatkan akidah dan ajaran sesat sukar didakwa, terutamanya apabila tiada bukti yang kukuh memandangkan ia melibatkan isu keimanan, pegangan, dan kepercayaan.

Data ini menunjukkan bahawa tindakan dari sudut perundangan sukar untuk diambil dan ini memberi ruang kepada pengikut ajaran salah menimbulkan isu-isu bersifat teknikal semasa perbicaraan di mahkamah (Norliah Sajuri, 2014). Jika kesalahan itu melibatkan fatwa yang diwartakan, pihak penguatkuasa boleh melakukan tangkapan mengikut prosedur yang ditetapkan. Oleh itu, jika mana-mana orang Islam melanggar fatwa yang telah diwartakan, tindakan penguatkuasaan boleh diambil melalui proses aduan, siasatan, tangkapan, dan pendakwaan. Proses ini berada di bawah bidang kuasa Penguatkuasa Agama dan Pendakwa Syarie di setiap negeri. (Zanariah Dimon, 2020). Sekiranya fatwa tidak diwartakan, segala tindakan penguatkuasaan tidak akan mempunyai kesan perundangan.

Situasi ini menunjukkan bahawa terhakisnya autoriti fatwa dan ketiadaan kekuatan perundangan mungkin disebabkan oleh fatwa yang tidak diwartakan, yang mengakibatkan kesukaran dalam melaksanakan tindakan penguatkuasaan secara sah serta melemahkan peranan fatwa sebagai panduan hukum yang sepatutnya dihormati dan dipatuhi oleh masyarakat Islam.

SIGHAH FATWA

Pengeluaran fatwa yang bermula dari peringkat kajian sehingga pewartaan juga mesti melalui proses penghasilan teks keputusan hukum yang disebut sebagai sighah fatwa. Sebarang keputusan yang dicapai melalui perbincangan dan sumbang saran dalam muzakarah atau mesyuarat jawatankuasa fatwa akan dirumuskan oleh urus setia dalam bentuk sighah atau teks fatwa untuk dibentangkan kepada Penasihat Undang-Undang Negeri. Selepas itu, keputusan tersebut perlu mendapatkan kelulusan dan pengesahan daripada Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri serta Penasihat Undang-Undang. Akhir sekali, perkenan Sultan atau Raja Negeri diperlukan sebelum fatwa tersebut diwartakan dalam warta kerajaan (Zaini & Nur Hazirah 2022; Mohd Kamel & Al Adib 2020).

Menurut Khadijah Mohd Khambali @ Hambali dan Mohd Zaidi Daud (2022), kebanyakan sighah fatwa yang hendak diwartakan atau minit mesyuarat cenderung bersifat umum dalam menentukan keharaman sesuatu ajaran sesat, sama ada berkaitan tarekat tasawuf, penolakan sumber, mahupun pengharaman buku. Lazimnya, sighah fatwa negeri akan menyatakan bahawa kandungan ajaran serta fahaman kumpulan yang diharamkan adalah bercanggah dan bertentangan dengan akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah serta syariah Islam, di samping berpotensi mengelirukan dan menyesatkan masyarakat Muslim. Pengharaman ini turut merangkumi segala perkara yang berkaitan dengan ajaran sesat tersebut, termasuk bahan penerbitan, iklan, risalah, dan lain-lain yang bertujuan menyebarkan atau menghidupkan ajaran berkenaan. Sighah yang tepat memudahkan proses penguatkuasaan dan pendakwaan. Namun ia tidak cukup kuat untuk mendakwa di mahkamah apabila hanya merujuk kepada sighah yang tertulis dalam warta.

Permasalahan yang sering timbul dari sudut perundangan dan penguatkuasaan apabila kes ini dibawa ke mahkamah syariah ialah sighah fatwa yang terlalu umum dan tidak spesifik. Menurut Mahyudin Daud dan Ahmad Najib Abdullah (2019), fatwa berkaitan dengan al-Arqam adalah sighah yang paling baik dari sudut jelas, panjang, lengkap dengan fakta. Teksnya dianggap *jami' dan mani'* sehingga tidak mampu dicabar atau dibatalkan di mana-mana mahkamah di negara ini.

Dalam isu ini, didapati keputusan dan sighah fatwa pengharamannya adalah berbeza-beza mengikut negeri. Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang yang bersidang pada September 2012 telah membincangkan mengenai fahaman Syiah. Mesyuarat membuat keputusan bahawa fahaman Syiah adalah bercanggah dengan Islam dari sudut akidah, syariah dan lain-lain. Sebagai contoh, dalam sighah pewartaan fatwa yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 27 Mac 2014 (Jil.58 No. 7), beberapa perkara utama telah dinyatakan berhubung fahaman dan ajaran Syiah, iaitu:

1. Fahaman dan ajaran Syiah dianggap bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah serta dilihat berpotensi mengancam perpaduan umat, kestabilan agama, keharmonian bangsa, dan keselamatan negara.
2. Bagi mengelakkan penyebaran fahaman ini di Negeri Pulau Pinang, langkah pencegahan perlu diambil memandangkan terdapat percanggahan dari aspek akidah, syariah, dan perkara-perkara lain yang berkaitan.

3. Larangan dikenakan kepada mana-mana individu atau kumpulan Islam daripada berpegang kepada ajaran ini kerana ia bercanggah dengan prinsip Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Larangan ini merangkumi:
 - a) Individu Muslim atau kumpulan yang mengikuti ajaran Syiah dianggap mengamalkan pegangan yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah;
 - b) Mana-mana individu Muslim atau kumpulan yang terlibat dengan aktiviti ekonomi, perniagaan, pendidikan, kesenian, atau kegiatan lain yang mempunyai unsur persamaan dengan ajaran Syiah turut dianggap menyebarkan fahaman yang bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah;
 - c) Sebarang usaha untuk menghidupkan semula ajaran Syiah, sama ada melalui rangkaian tertentu, pertubuhan, atau persatuan yang memperlihatkan unsur-unsur persamaan dengan ajaran tersebut, dianggap bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah;
 - d) Segala bentuk variasi, versi, atau cabang baru yang berkait rapat dengan ajaran Syiah juga dikategorikan sebagai bertentangan dengan prinsip Ahli Sunnah Wal Jama'ah;
 - e) Penyebaran bahan publisiti yang mempromosikan ajaran Syiah, termasuk penerbitan dan cetakan dalam apa jua bentuk, adalah diharamkan;
 - f) Larangan turut dikenakan ke atas pemilikan, penyimpanan, pencetakan, penjualan, dan pengedaran bahan seperti filem, rakaman audio, risalah, buku, majalah, serta penggunaan simbol atau tanda yang mengaitkan ajaran Syiah dengan mana-mana harta alih atau tak alih. Sebarang bentuk bantuan atau kemudahan yang boleh membantu penyebaran ajaran ini juga dilarang;
 - g) Semua tindakan yang dinyatakan di atas hendaklah dihalang dan dikenakan tindakan sewajarnya mengikut peruntukan undang-undang.

Perlu diambil perhatian bahawa sishah pewartaan fatwa berkaitan ajaran Syiah ini tidak seragam di antara negeri-negeri di Malaysia, di mana terdapat perbezaan dari segi penekanan dan perincian yang dibuat dalam pewartaan di setiap negeri.

Melalui sishah keputusan ini, sekiranya berlaku penyebaran ajaran Syiah melalui platform digital ataupun media sosial, tindakan penguatkuasaan dan pendakwaan boleh dilakukan. Dalam erti kata yang lain, mana-mana sishah fatwa yang longgar dan berlakunya tangkapan, pihak yang ditangkap boleh mencabar kesahan tangkapan tersebut. Kesalahan pelanggaran fatwa dalam talian sebenarnya tidak berbeza dengan kesalahan di luar talian kerana ia melibatkan kesalahan yang sama berkaitan fatwa, sama ada ia berkaitan ajaran sesat, syariah, sains dan perubatan, isu-isu sosial serta kekeluargaan dan sebagainya.

KEPERLUAN PENYIASATAN KESALAHAN DALAM MEDIA SOSIAL YANG JELAS

Proses siasatan dalam kes jenayah syariah merangkumi tindakan seperti penggeledahan, penyitaan, pemeriksaan, dan penyimpanan. Setiap proses ini memerlukan pematuhan kepada tatacara tertentu bagi memastikan dokumen yang dikumpul dapat diterima sebagai keterangan di mahkamah. Sekiranya tatacara tersebut tidak dipatuhi, kesahihan dokumen atau bukti yang diperoleh boleh dipertikaikan, sekali gus melemahkan kedudukan kes atau menyebabkan kegagalannya untuk dibuktikan (Aniq et.al, 2021).

Selain itu, pegawai penguatkuasa agama (PPA) perlu memahami secara menyeluruh proses dan tatacara yang telah diperuntukkan serta melaksanakannya dengan teratur bagi memastikan rantai keterangan (*chain of evidence*) tidak terputus, sekali gus memelihara integriti keterangan yang dikemukakan (Informan 4, komunikasi peribadi, 26 Februari 2018; Informan 10, komunikasi peribadi, 27 Mac 2018). Kesilapan yang berlaku dalam kes Kassim Ahmad, seperti yang dijelaskan dalam penghakiman kes Kassim @ Osman Ahmad lwn Dato Seri Jamil Khir Baharom & 3 yang lain [2015] 1 LNS 1424, serta kes penahanan Abdul Kahar oleh Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Selangor yang diputuskan sebagai tidak sah oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, menjadi bukti betapa pentingnya pematuhan kepada tatacara yang ditetapkan. Menurut Hidir (2022), ketidakpatuhan yang berlaku dalam kes tersebut perlu dijadikan panduan oleh pihak PPA agar kesilapan yang sama tidak lagi berulang di masa hadapan.

Berdasarkan seksyen 54 Akta 560, maklumat atau aduan yang diterima perlu dicatat ke dalam Borang 5. Selepas maklumat atau aduan tersebut diterima, ketua penguatkuasa agama (KPPA) akan mengarahkan PPA untuk memulakan siasatan bagi menentukan kebenaran maklumat atau aduan yang diterima. Bagi kes pelanggaran fatwa di media sosial, siasatan sebelum dan selepas tangkapan secara terperinci merupakan tindakan penting sebelum sesuatu tindakan pendakwaan boleh dilakukan. Hal ini kerana kesalahan-kesalahan di media sosial tidak mempunyai lokasi fizikal seperti kesalahan-kesalahan yang dilakukan secara langsung (Informan 9, komunikasi peribadi, 7 Mac 2018).

Oleh itu, siasatan yang melibatkan keterangan elektronik amat penting bagi mendapatkan bukti bagi kes-kes melibatkan media sosial. Keterangan elektronik termasuk dalam keterangan dokumentar di bawah tafsiran Akta 560. Keterangan yang boleh diperolehi daripada keterangan elektronik seperti peranti, aplikasi media sosial, rangkaian (*network*) yang digunakan serta keterangan berdasarkan keadaan (*circumstantial evidence*). Sekiranya tangkapan dilakukan terhadap OYDS (Orang Yang Disyaki) dan siasatan ke atasnya dapat disempurnakan dalam tempoh 24 jam, OYDS akan dihadapkan ke mahkamah dalam tempoh tersebut. Namun, sekiranya siasatan ke atas OYDS tidak dapat disempurnakan dalam tempoh 24 jam, OYDS akan dibebaskan terlebih dahulu sama ada melalui bon atau jaminan atau perintah bertulis dari Ketua PPA, seorang hakim atau seorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada inspektor. Ketetapan ini dinyatakan secara jelas melalui seksyen 23 Akta 560. Ketiadaan peruntukan undang-undang yang memberi kebenaran untuk menahan reman OYDS bagi tujuan pemeriksaan lanjut menyukarkan pihak PPA sekiranya siasatan tidak dapat diselesaikan dalam tempoh 24 jam (Informan 1, komunikasi peribadi, 2 September 2022).

Oleh kerana kesalahan yang melibatkan media sosial tidak mempunyai tempat fizikal, siasatan terhadap aplikasi media sosial perlu dilakukan dengan beberapa cara seperti menyiasat aplikasi yang menjadi medium kesalahan misalnya melalui laman sesawang, Facebook, Twitter, emel, Whatsapp dan sebagainya. Bagi kesalahan seperti ini, penggeledahan merupakan satu tindakan yang penting bagi proses penyiasatan sebagaimana yang dibenarkan menerusi seksyen 63 Akta 560. Di samping itu, rampasan dan sitaan terhadap barang kes atau ekshibit berupa peranti komunikasi seperti komputer, telefon bimbit, kad memori, hard disk dan seumpamanya juga penting bagi menjalankan siasatan dan mendapatkan keterangan (Informan 6. Komunikasi peribadi (Informan 6, Komunikasi Peribadi, 23 Mac 2018).

Setiap ekshibit yang disita perlu ditandakan seperti tarikh, tandatangan pegawai yang menyita, nombor aduan dan maklumat lain yang berkaitan sebagaimana diperuntukkan melalui seksyen 52 Akta 560. Selepas sitaan, pegawai penyiasat (IO) perlu menjaga rantai ekshibit dan merekodkan segala pergerakannya bermula dari sitaan sehinggalah dikemukakan kepada pihak

mahkamah (Informan 5, komunikasi peribadi, 9 Julai 2018). Keperluan dan kepentingan menjaga rantaian ekshibit ini telah dibincangkan menerusi beberapa kes seperti Reg lwn Khoo Guan Teik [1957] 23 MLJ 128 dan Shamsuddin Hassan lwn PP [1991] 3 MLJ 314. Sisatan terhadap peranti komunikasi dan aplikasi yang digunapakai perlu dilakukan bagi mendapatkan keterangan yang berkaitan. Peranti-peranti yang dirampas akan dihantar kepada pihak berkaitan untuk tujuan analisis forensik digital. Tujuan analisis forensik digital ini dibuat adalah untuk mengesahkan keterangan yang diperoleh semasa siasatan dan juga mendapatkan keterangan-keterangan lain yang boleh mengaitkan OYDS dengan kesalahan (Mohd Sophian & Akmal Hamdy, 2021; Informan 7, komunikasi peribadi, 2 Mei 2018).

Hasil siasatan yang dilakukan oleh pihak PPA amat membantu pihak pendakwaan untuk melaksanakan tindakan selanjutnya. Tugas pihak pendakwaan bermula selepas pihak penguatkuasa agama selesai menjalankan tangkapan dan siasatan terhadap OYDS dan menyerahkan kertas siasatan (IP) kepada pihak pendakwaan. Kertas siasatan yang telah lengkap diserahkan kepada pihak pendakwaan untuk tindakan selanjutnya. Pihak pendakwaan melalui kuasa yang diberikan kepada ketua pendakwa syarie bertanggungjawab meneliti kertas siasatan sebelum memutuskan untuk meneruskan pendakwaan kes atau sebaliknya. Bagi penguatkuasaan kes-kes jenayah syariah, pembuktian memainkan peranan yang amat penting bermula dari proses siasatan (Informan 8, komunikasi peribadi, 1 Mac 2018). Oleh hal yang demikian, penelitian dan pertimbangan pihak pendakwaan terhadap keterangan yang dikemukakan hasil daripada siasatan yang dijalankan memainkan peranan yang penting.

Dalam memberikan pertimbangan terhadap pendakwaan kes pelanggaran fatwa di media sosial, penelitian terhadap kecukupan keterangan bagi setiap elemen kesalahan amat penting. Elemen kesalahan yang juga dikenali sebagai inti pati kesalahan merupakan fakta persoalan yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan di hadapan mahkamah. Elemen-elemen kesalahan yang perlu dibuktikan bagi kes pendakwaan kes pelanggaran fatwa di media sosial adalah bergantung kepada kesalahan yang disyaki telah dilakukan. Sebagai contoh, bagi kesalahan mengeluarkan pendapat yang berlawanan dengan fatwa, terdapat beberapa elemen yang perlu dibuktikan. Antaranya termasuklah lokasi berlakunya kesalahan dalam negeri yang mempunyai bidang kuasa, tindakan mengeluarkan pendapat yang bertentangan dengan fatwa yang sedang berkuat kuasa, serta kaedah penyampaian pendapat tersebut sama ada secara bertulis atau lisan. Selain itu, penyebaran atau pengedaran pendapat tersebut untuk tatapan orang awam turut menjadi elemen penting yang perlu dibuktikan (Siti Zubaidah Ismail, 2017).

Sekiranya terdapat kegagalan untuk membuktikan setiap elemen kesalahan, maka penguatkuasaan tidak dapat dilakukan seperti yang berlaku pada kebanyakan kes-kes berkaitan akidah di negara ini (Hazirah, Zaini & Rahim, 2024; Yunus & Asmilyia, 2021). Oleh itu, ketidakbuktian terhadap salah satu elemen kesalahan yang diperlukan akan membawa kepada kegagalan di peringkat pendakwaan kes seterusnya menyebabkan OYDS dibebaskan tanpa membela diri. Semasa penelitian terhadap kertas siasatan dilakukan, sekiranya pihak pendakwaan masih belum berpuashati dengan keterangan yang dikemukakan, pihak pendakwaan boleh memulangkan semula kertas siasatan dan meminta pihak PPA menjalankan siasatan lanjut dan mendapatkan keterangan yang diperlukan. Selepas berpuashati, pihak pendakwaan akan mempersiapkan segala dokumentasi yang diperlukan termasuklah pertuduhan bagi tujuan pendaftaran kes di mahkamah.

CABARAN PENGUATKUASAAN KES PELANGGARAN
FATWA DI MEDIA SOSIAL

Isu dan cabaran penguatkuasaan bagi kes pelanggaran fatwa di media sosial dapat dilihat dari beberapa sudut. Dari sudut pewartaan, fatwa yang diwartakan memainkan peranan penting dan tidak boleh diabaikan, kerana ketiadaan pewartaan sering kali menjadi penghalang kepada penguatkuasaan kesalahan akidah secara lebih berkesan. Sebagai contoh, dalam kes *Pendakwa Syarie Negeri Sembilan lwn Baharin Salleh* (No. Kes: 05003-137-0081-2016), tertuduh yang merupakan pengasas ajaran Pakcu Baharin ditangkap pada tahun 2016 di Kuala Pilah. Namun, beliau tidak dapat didakwa atas kesalahan menyebarkan ajaran salah serta beberapa kesalahan lain disebabkan ketiadaan fatwa yang diwartakan berkaitan pengharaman ajaran tersebut pada ketika itu. Akibatnya, tertuduh hanya dikenakan pertuduhan mengajar tanpa tauliah, yang memperuntukkan hukuman lebih ringan. Situasi serupa turut berlaku dalam kes *Pendakwa Syarie Negeri Sembilan lwn Ahmad Fuat Mohd Hashim* (No. Kes: 05007-137-0202-2019), di mana tertuduh, seorang pengikut ajaran Millah Abraham, ditangkap di sebuah rumah di Tampin pada tahun 2019. Walau bagaimanapun, disebabkan masalah ketiadaan fatwa yang diwartakan berhubung ajaran tersebut, tertuduh hanya didakwa dengan kesalahan mengajar agama tanpa tauliah (Informan 2, komunikasi peribadi, 3 September 2022). Kes-kes ini menunjukkan bahawa fatwa yang diwartakan berperanan sebagai keterangan kukuh serta menjadi asas dalam penguatkuasaan kesalahan berkaitan akidah, termasuk pelanggaran fatwa di media sosial di negara ini. Oleh itu, sebarang ajaran yang didapati menyimpang daripada akidah yang sebenar perlu difatwakan dan diwartakan dengan segera bagi memastikan isu sebegini tidak berlarutan pada masa hadapan.

Fatwa yang sering dikeluarkan dan diwartakan oleh Jabatan Mufti negeri-negeri berkaitan dengan isu akidah serta pengharaman ajaran sesat (Khadijah & Zaidi Daud, 2022). Tujuannya adalah untuk memastikan akidah umat Islam di Malaysia terpelihara daripada penyelewengan serta terus berpegang teguh kepada iktikad Ahli Sunnah Wal Jama'ah. Sebarang fahaman yang bertentangan perlu dikawal dan disekat agar tidak tersebar dalam kalangan umat Islam yang lain. Hal ini memperkukuhkan pandangan bahawa penguatkuasaan undang-undang di peringkat negeri cenderung memberi tumpuan kepada kesalahan berkaitan akidah, ajaran sesat, dan kesusilaan (Zanariah Dimon, 2020).

Institusi kefatwaan di peringkat Persekutuan dan negeri sentiasa berusaha memperkukuhkan penguatkuasaan undang-undang melalui pewartaan fatwa berkaitan akidah dan ajaran sesat. Pandangan hukum yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) serta pelaksanaan oleh kerajaan negeri melalui enakmen jenayah syariah negeri-negeri menjadi landasan penting dalam usaha ini. Kerjasama erat antara MKI dan Majlis Agama Islam Negeri mencerminkan kesungguhan negara dalam membanteras ajaran sesat serta fahaman dan aliran yang menyeleweng daripada ajaran Islam (Khadijah & Zaidi Daud, 2022).

Sebagai contoh, di Negeri Sembilan, beberapa ajaran yang telah difatwa dan diwartakan sebagai sesat termasuk ajaran Syiah, al-Arqam, Qadiani, Hizbu al-Tahrir, kumpulan anti-hadis, amalan perbomohan Ibrahim bin Mat Zin, Millah Abraham@Ibrahim, dan lain-lain (Jabatan Mufti Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus, 2022). Kepentingan berpegang kepada akidah yang benar amatlah penting bagi masyarakat Islam bagi mengelakkan perbuatan yang boleh merosakkan iman. Kerosakan akidah yang boleh menyebabkan terbatalnya amalan lain menjadi salah satu faktor utama yang mendorong kerajaan negeri mengambil langkah serius dengan mewartakan fatwa ke atas ajaran sesat. Langkah ini bertujuan memelihara masyarakat daripada

terjerumus dalam kepercayaan yang menyeleweng. Salah satu kaedah membanteras penyelewengan akidah adalah melalui pewartaan fatwa berkaitan, bagi membolehkan tindakan penguatkuasaan dan pendakwaan dilakukan melalui proses mahkamah.

Usaha bersepadu ini telah memberi impak positif apabila berjaya membanteras ajaran sesat melalui peningkatan jumlah tangkapan di seluruh negara. Kajian oleh Khadijah Mohd Khambali @ Hambali dan Mohd Zaidi Daud (2022) menunjukkan bahawa langkah mengekang fahaman menyeleweng tercermin dalam pencapaian statistik tangkapan, dengan 75 tangkapan direkodkan pada tahun 2015, 31 tangkapan pada tahun 2016, dan meningkat kepada 246 tangkapan pada tahun 2017. Dalam jangka masa panjang, pemerkasaan spiritual setiap Muslim perlu diperkukuhkan, di samping melestarikan standard sikhah fatwa agar pembasmian ajaran sesat dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Semua ajaran-ajaran sesat yang difatwa dan diwartakan ini boleh diambil tindakan sekiranya ia disebarikan termasuk melalui medium atas talian, aplikasi digital dan media-media sosial.

Isu selanjutnya adalah dari sudut tempat di mana kejadian jenayah syariah di media sosial berlaku. Seksyen 68 Akta 560 menetapkan bahawa OYDS boleh dibicarakan di tempat di mana perbuatan dilakukan atau di mana akibat berikutan. Walaubagaimanapun, media sosial bukan merupakan tempat fizikal sebagaimana yang dikehendaki oleh peruntukan ini. Tempat berlakunya kesalahan merupakan salah satu intipati pertuduhan yang mesti ditentukan dan dinyatakan sebagaimana termaktub melalui seksyen 79 Akta 560. Had bidangkuasa tempatan membataskan tindakan dilaksanakan kerana memerlukan lokasi kesalahan dilakukan. Media sosial merupakan alam maya yang tidak mempunyai lokasi fizikal, ia seperti kelihatan seperti medium perlakuan sahaja dan memerlukan bukti material (Informan 3, komunikasi peribadi, 4 September 2022). Bagi mengatasi isu ini pindaan undang-undang diperlukan dengan memasukkan peruntukan yang sama seperti mana dalam seksyen 153 (3) Kanun Tatacara Jenayah (pindaan 2012) (Akta 593). Peruntukan ini menetapkan bahawa apabila OYDS itu didakwa melakukan kesalahan berhubung penerbitan dengan cara elektronik, tempat penerbitan adalah dimana penerbitan itu dilihat, didengar atau dibaca oleh mana-mana orang.

Isu-isu dari sudut penyiasatan juga menjadi cabaran dalam penguatkuasaan kes pelanggaran fatwa di media sosial. Siasatan kes jenayah syariah yang melibatkan media sosial seharusnya memerlukan suspek atau mana-mana orang membenarkan pegawai penyiasat (IO) untuk membuat capaian kepada kandungan atau perkara yang disiasat. Walau bagaimanapun, pihak PAA tidak diberikan kuasa sebagaimana kuasa yang diberikan kepada pihak polis melalui seksyen 249(1) Akta Komunikasi dan Multimedia (Akta 588) 1998. Keengganan mana-mana orang untuk memberikan capaian kepada data komputer sebagaimana kehendak seksyen 249 Akta 588 merupakan kesalahan dan boleh didakwa dibawah seksyen 242 Akta 588 dan seksyen 186 Kanun Keseksaan. Ketiadaan peruntukan-peruntukan ini menyebabkan pihak PPA tidak mempunyai kuasa untuk mengikat mana-mana pihak syarikat komunikasi bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan ketika siasatan dijalankan. Selain itu, ketiadaan peruntukan berkaitan penahanan reman bagi tujuan siasatan lanjut sebagaimana yang diperuntukkan dibawah seksyen 117 Akta 593 juga menjadi isu dan cabaran kepada pihak PPA untuk menjalankan penyiasatan secara lebih efisien. Oleh yang demikian, peruntukan-peruntukan ini perlu dinyatakan di dalam Akta 560 dan enakmen tatacara jenayah syariah negeri-negeri bagi memudahkan penyiasatan dilakukan bagi mendapatkan keterangan yang diperlukan. Ketiadaan peruntukan atau garis panduan berhubung analisis forensik digital juga dilihat boleh menjejaskan proses penyiasatan pihak PPA (Informan 1, komunikasi peribadi, 2 September 2022).

IMPLIKASI TERHADAP PENGUATKUASAAN DAN MASYARAKAT

Dapatan kajian ini bukan sahaja membongkar cabaran dari aspek teknikal dan perundangan, malah turut memperlihatkan kesan yang mendalam terhadap keberkesanan penguatkuasaan serta kesejahteraan masyarakat. Kajian ini berfokus kepada tiga buah negeri berdasarkan ketersediaan data yang sahih, namun dapatan yang diperoleh menunjukkan kecenderungan umum yang mewakili cabaran yang berlaku di Malaysia, khususnya dalam konteks penguatkuasaan jenayah syariah berkaitan media sosial. Kelemahan dalam aspek penyiasatan dan pembuktian, terutamanya apabila melibatkan bukti dalam bentuk elektronik, nyata menjejaskan keupayaan pihak berkuasa agama untuk mengekang penyebaran fahaman menyeleweng menerusi media sosial. Ketiadaan peruntukan khusus berkaitan jenayah siber dalam Enakmen Tatacara Jenayah Syariah negeri-negeri pula terus mengukuhkan jurang kuasa antara pegawai penguatkuasa agama dan agensi penguatkuasaan digital seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Dari sudut penguatkuasaan, kekangan bidang kuasa yang hanya terhad kepada negeri masing-masing menimbulkan kesukaran untuk mengambil tindakan terhadap pelaku yang berada di luar sempadan negeri yangewartakan fatwa tersebut. Hal ini jelas menunjukkan bahawa sistem perundangan Syariah sedia ada masih belum cukup mantap dalam menghadapi cabaran pelanggaran hukum yang berlaku dalam ruang digital yang merentas sempadan fizikal.

Sementara itu, dari sudut masyarakat, wujud kekeliruan yang nyata berhubung status fatwa yang berbeza antara negeri serta lafaz sighth fatwa yang tidak jelas atau terlalu umum. Situasi ini bukan sahaja menyukarkan pematuhan dalam kalangan masyarakat, tetapi turut menjejaskan pengiktirafan terhadap kewibawaan institusi fatwa. Apabila pelanggaran berlaku secara terang-terangan di media sosial tanpa sebarang tindakan yang tegas, masyarakat mula mempertikaikan keberkesanan institusi yang sepatutnya menjadi benteng agama. Akibatnya, masyarakat menjadi semakin terdedah kepada ajaran sesat dan maklumat agama yang mengelirukan, sekali gus mengancam akidah dan perpaduan umat Islam di negara ini.

Justeru, jika isu penguatkuasaan ini gagal ditangani dengan berkesan, ia bukan sahaja akan melemahkan pelaksanaan undang-undang Syariah, tetapi juga boleh mencetuskan krisis kepercayaan awam terhadap keupayaan institusi agama dalam menjaga kepentingan dan kemaslahatan umat Islam di era digital yang semakin mencabar ini.

KESIMPULAN

Berdasarkan isu-isu yang dikenal pasti, kajian ini mendapati bahawa kelompangan dalam perundangan dan kelemahan dalam mekanisme penguatkuasaan merupakan cabaran utama dalam menangani kes pelanggaran fatwa di media sosial. Walaupun fatwa yang diwartakan mempunyai implikasi undang-undang, kesukaran dalam proses penyiasatan, pengumpulan bukti elektronik, dan had bidang kuasa mahkamah syariah menyukarkan pendakwaan terhadap kesalahan ini. Kekurangan peruntukan jelas mengenai penerimaan bukti elektronik, mekanisme penyiasatan digital, serta pengiktirafan sighth fatwa sebagai asas pertuduhan telah menghalang penguatkuasaan yang lebih efektif terhadap kesalahan berkaitan fatwa dalam talian.

Selain itu, isu perbezaan sighth fatwa antara negeri-negeri turut menimbulkan kekeliruan dalam penguatkuasaan. Teks sighth fatwa yang terlalu umum boleh menyebabkan ia sukar dijadikan asas dalam pendakwaan kerana tidak menjelaskan dengan spesifik perbuatan yang dilarang atau hukuman yang dikenakan. Keadaan ini boleh membuka ruang kepada tafsiran yang berbeza serta memberikan peluang kepada pihak yang dituduh untuk mencabar kesahan fatwa

yang diwartakan di mahkamah. Oleh itu, penyeragaman sighah fatwa antara negeri-negeri serta kejelasan dalam pewartaannya amat diperlukan bagi memastikan pelaksanaan undang-undang lebih berkesan.

Dari aspek bidang kuasa, kesalahan yang dilakukan di media sosial sering kali merentasi sempadan negeri, menjadikan penguatkuasaan semakin mencabar. Oleh kerana mahkamah syariah hanya berbidang kuasa dalam negeri masing-masing, pelaku yang berada di luar negeri tempat fatwa dikuatkuasakan boleh terlepas daripada tindakan undang-undang. Dalam hal ini, kerjasama antara negeri serta mekanisme penyiasatan rentas sempadan perlu diwujudkan untuk menangani isu pelanggaran fatwa secara lebih menyeluruh.

Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan agar pindaan terhadap perundangan syariah dilakukan bagi memperkemaskan prosedur penyiasatan dan mekanisme pembuktian dalam kes jenayah Syariah yang melibatkan media sosial. Antaranya, pengenalan peruntukan khusus dalam Enakmen Tatacara Jenayah Syariah berkaitan bukti digital, penyiasatan forensik siber, dan bidang kuasa rentas negeri perlu diberi pertimbangan. Tambahan pula, kuasa penguatkuasaan Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) perlu diperluaskan agar setanding dengan kuasa pihak berkuasa lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dalam menangani kesalahan berkaitan media sosial.

Secara keseluruhannya, pembaharuan dalam perundangan Syariah amat diperlukan bagi memastikan penguatkuasaan fatwa yang lebih efektif dalam era digital. Reformasi ini bukan sahaja dapat mengukuhkan kedudukan mahkamah syariah dalam menangani kes berkaitan fatwa, tetapi juga memastikan undang-undang syariah kekal relevan dan responsif terhadap cabaran teknologi semasa.

PENGHARGAAN

Penulis mengucapkan penghargaan kepada Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia kerana membiayai penerbitan artikel ini.

REFERENCES

- Ahmad Azam Mohd Shariff & Mazupi Abdul Rahman. 2018. Prinsip Syariah Berkaitan Prosedur Siasatan dan Pendakwaan: Khazanah Ilmu Yang Memangkin Perkembangan Perundangan Dalam Masyarakat. *AKADEMIKA*, 88 (3). pp. 127-135.
- Ahmad Yunus Mohd Noor & Asmilyia Mohd Mokhtar. 2021. Sains Tauhidik: Kolaborasi Ilmu antara Al-Qur'an dan Sains Moden. *AKADEMIKA*, 91 (2). pp. 167-176.
- Alias Azhar, & Mohd Shauki Muhammad Baderuddin. 2018. Prosedur Istibat dan Pewartaan Fatwa Ajaran Sesat di Negeri Kedah: Satu Tinjauan. *Journal of Fatwa Management and Research*, SeFPIA 2018 Special Edition, 86-99.
- Farahwahida Mohd Yusof. 2011. *Fatwa, Keberkesanannya Memerangi Ajaran Sesat di Malaysia*. Johor: UTM Press.
- Hidir Reduan Abdul Rashid. (2022, May 24). Kes 'Rasul Melayu': Mahkamah sivil putusan penahanan Jais tak sah. Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/news/622277>
- Hutchinson, T. C. M. 2018. *Researching and writing in law* (4th ed.). Thomson Reuters (Professional) Australia.
- Jabatan Mufti Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus. (2022). Himpunan Fatwa Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus. Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan.

- Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, & Mohd Zaidi Daud. 2022. Pemerkasaan Akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah: Ke Arah Penguatkuasaan dan Penyeragaman Standard Sighah Fatwa. *Journal of Ifta and Islamic Heritage*, 1(1). 88-119.
- Mahyudin Daud, & Ahmad Najib Abdullah. (2019). Penginstitusian Majlis Fatwa Kebangsaan dan Kaifiat Pengeluaran Hukum: Suatu Tinjauan Umum. *Al-Basirah*, 9(2). 37-51.
- Mohamad Aniq Aiman Alias, Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Ahmad Syukran Baharuddin & Lukman Abdul Mutalib. 2021. Analisis Perundangan bagi Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah terhadap Dokumen Digital sebagai Kaedah Pembuktian dan Kebolehterimaannya dalam Prosiding Mahkamah. *Jurnal Pengurusan dan Muamalah*, Vol. 11, No. 2 (Nov 2021), 54-64.
- Mohd Kamel Mat Salleh, & Mohd Al Adib Samuri. (2020). *Autoriti Fatwa & Pendapat Mufti dalam Undang-Undang di Malaysia*. Selangor: Penerbit UKM.
- Mohd Kamel Mat Salleh, Adibah Bahori, & Mohamad Azhan Yahya. 2021. Position of Fatwa in The Constitution: A Legal Analysis. *Pertanika Journal Social Sciences & Humanities* 29(24), 2171-2188.
- Mohd Sophian, & Akmal Hamdy. 2021. *Kesalahan Media Sosial Manual Siasatan dan Pendakwaan*. Putrajaya: Jabatan Peguam Negara.
- Mohd Zuhdi Ahmad Khasasi, and Ahmad Dahlan Salleh & Mohammad Zaini Yahaya. 2020. Seruan melestarikan hubungan sosio-agama melalui pendekatan Fiqh al-Ta'ayush. *AKADEMIKA*, 90 (2). pp. 149-164.
- Muna Hamzan. 2021. Prosedur Pewartaan Fatwa Ajaran Salah Berdasarkan Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994 dalam Menangani Isu Penyelewangan Akidah di Negeri Kelantan. *International Journal of al-Quran and Knowledge* 1(2), 26-38.
- Norliah Sajuri. 2014. *Mekanisme Pewartaan dan Penguatkuasaan Fatwa* [Conference session]. Bengkel Penyelarasan Pengurusan Fatwa Jabatan Mufti Seluruh Malaysia, Shah Alam, Malaysia.
- Nur Ain Mohd Sabirin, Ahmad Azam Mohd Shariff & Mohamad Azhan Yahya. 2024. Penggubalan undang-undang jenayah syariah di Malaysia: analisis ke atas kekaburan bidang kuasa Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. *AKADEMIKA*, 94 (2). pp. 346-360.
- Nur Hazirah Zainal Abidin, Zaini Nasohah & Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani. 2024. Penguatkuasaan Kes-kes Kesalahan Berkaitan Akidah di Wilayah Persekutuan. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)*, 7(3), 13-28.
- Salter, M., & Mason, J. 2007. *Writing Law Dissertations: An Introduction And Guide To The Conduct Of Legal Research*. Pearson Education Limited.
- Siti Aisyah Abidin i, 'Ainul Mardhiah Zabidi ii, Siti Izzatulwafa Shamsudiniii, Noor Amalina Mohd Shahiv, Zul-kifli Hussin. 2024. Cabaran Pegawai Penguatkuasa Agama (Ppa) Dalam Menguatkuasakan Undang-Undang Jenayah Syariah Di Negeri Perak. In *International Prophetic Conference (SWAN) FPQS USIM* (No. 9th, pp. 355-369).
- Siti Nurunnajwa Shamsudin, Irwan Mohd Subri & Nuradli Ridzwan Shah Mohd. 2015. Penggunaan Media Baharu Sebagai Wasilah Penyampaian Fatwa Kepada Masyarakat: Kajian Awal Di Negeri Selangor. eProsiding Seminar Fiqh Semasa (SeFis)
- Siti Zubaidah Ismail. 2017. *Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Solahuddin Abdul Hami, Kamarudin Ahmad, dan Mohd Akram Dato' Dahaman@Dahlan. 2018. Kedinamikan Penyampaian Fatwa Negeri-Negeri Di Malaysia: Penilaian Adaptasi Berdasarkan "Kirkpatrick Model Of Evaluation". *Jurnal MANU*, 27, 97-116.
- Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Ahmad Syukran Baharuddin, Lukman Abdul Mutalib & Mohamad Aniq Aiman Alias. 2021. A Systematic Analysis on the Admissibility of Digital Documents as Evidence in Malaysian Syariah Courts. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, 29(3):1981-1996.
- Zaini Nasohah & Nur Hazirah Zainal Abidini Nasohah. 2022. Fatwa Authority In Government Institutions In The Federal Territory: Autoriti Fatwa Dalam Institusi Pemerintahan Di Wilayah Persekutuan. *Al-Qanadir: International Journal Of Islamic Studies*, 27(2), 34-40.
- Zanariah Dimon. 2020. Penguatkuasaan Kesalahan Berhubung Fatwa dalam Undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia. *Journal of Muwafaqat*, 3(1). 116-129.
- Zulzaidi Mahmod & Ahmad Hidayat Buang. 2022. Profesionalisme Hakim Syarie Di Mahkamah Syariah Melalui Pemakaian Arahan Amalan Penulisan Teks Alasan Penghakiman. *Journal of Fatwa Management and Research*, 27(4), 99–125.

PENULIS:

MOHAMAD AZHAN YAHYA (Pengarang koresponden)
Pensyarah Kanan
Fakulti Undang-undang
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia
Emel: azhan@ukm.edu.my

MOHD KAMEL MAT SALLEH
Pensyarah Kanan
Akademi Pengajian Islam Kontemporari,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan,
Kampus Seremban, Malaysia
Emel: mohdkamel@uitm.edu.my

SUHAIZAD SAIFUDDIN
Pensyarah Kanan
Fakulti Undang-undang
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia
Emel: suhaizad@ukm.edu.my

ADIBAH BAHORI
Pensyarah Kanan
Akademi Pengajian Islam Kontemporari,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan,
Kampus Seremban, Malaysia
Emel: adibahbahori@uitm.edu.my

AZIZAH MAT RASHID
Pensyarah
Jabatan Undang-undang,
Fakulti Syariah dan Undang-undang,
Universiti Islam Selangor, Malaysia
Emel: azizahrashid@uis.edu.my